

# Tumpu ketika kuliah kunci kejayaan

**Serdang:** Memberi sepenuh tumpuan ketika kuliah, kunci kejayaan penerima Graduan Cemerlang Akademik Peringkat Bachelior, Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernatics, M Darshanadevi.


Darshanadevi, 24, lulusan kursus Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan berkata, sesi pengajaran penting dan perlu dimanfaatkan secara optimum bagi memantapkan pemahaman pelajar terhadap sesuatu topik.

Selain itu, katanya, beliau juga membuat ulang kaji secara berkumpulan bersama rakan sekuliah setiap hari bagi memastikan ilmu yang dipelajari dapat difahami bersama.

"Setiap orang mempunyai teknik belajar berbeza. Namun, apa yang paling penting bagi setiap orang penumpuan ketika di dalam kelas.

"Saya juga suka belajar secara berkumpulan. Ia memberi lebih banyak pemahaman kerana di situ setiap orang akan memberi penerangan tersendiri," katanya.

Darshanadevi, antara 257 pelajar dari enam IPTS yang diraikan pada Majlis Konvokesyen Program Kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) ke-15, di



**Mohd Fauzi (kiri) beramah mesra dengan Darshanadevi dan Izni selepas Majlis Konvokesyen Program Kerjasama UPM-IPTS Ke-15 di Serdang, semalam.**

Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah UPM, di sini semalam.

IPTS itu membabitkan Kolej Teknologi Timur, Kolej Uniti, Kolej Universiti Shahputra, Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernatics, Kolej Risda dan Kolej Universiti Bestari.

Hadir sama, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, Timbalan Naib Canselor Akademik dan An-

tarabangsa UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris dan Pengarah Urusan UPMHoldings Sdn Bhd, Prof Dr Husaini Omar.

## **Bapa jadi inspirasi**

Seorang lagi pelajar cemerlang, Izni Mohamad Sabri, 23, berkata kesusahan bapanya yang hanya bekerja sebagai kerani bagi menyara keluarga menjadi inspirasi kepada dirinya untuk mendapat kepulauan cemerlang.

Beliau lulusan Diploma Pembangunan Manusia dan penerima anugerah Graduan Cemerlang Keseluruhan, berkata peluang melanjutkan pelajaran yang diterima digunakan sebaiknya bagi membalas jasa bapanya.

"Saya nekad untuk belajar dengan baik bagi membalas jasa bapa yang bekerja keras membesarkan kami sekeluarga," katanya yang memperoleh purata nilai gred kumulatif (GPA) 3.59.